

18/04/2004

Dr Mahathir dianugerah Felo Kehormat IEM

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad dianugerahkan Felo Kehormat Institusi Jurutera Malaysia (IEM) sempena majlis Anugerah dan Makan Malam ke-45, badan berkenaan malam tadi.

Anugerah tertinggi itu disampaikan oleh Presiden IEM, Prof Abang Abdullah Abang Ali sebagai tanda penghargaan sumbangan Dr Mahathir kepada profesion kejuruteraan dan pembangunan pesat negara sepanjang tempoh pentadbirannya.

Sempena majlis itu, IEM menyampaikan Anugerah Pingat Emas kepada 10 pelajar universiti tempatan yang cemerlang dalam bidang kejuruteraan.

Mereka ialah Taufik Yunahar dari Universiti Islam Antarabangsa; Iza Wanee Ismail (Universiti Kebangsaan Malaysia); Ismarullizam Mohd Ismail (Universiti Teknologi Malaysia) dan Eng Chun Seong (Universiti Putra Malaysia).

Penerima lain ialah Chow Pek Kuen (Universiti Tenaga Nasional) ; Teh Kar Lu (Universiti Teknologi Mara); Liu Fui Kong (Universiti Malaysia Sarawak); Renee Chin (Universiti Malaysia Sabah); Yong Chen Tai (Universiti Multimedia Malaysia) dan Yong Xin Yi dari Universiti Malaya. Dr Mahathir dalam ucapannya berkata sektor kejuruteraan dan jurutera memainkan peranan penting dan memberi sumbangan besar kepada pembangunan negara sejak mencapai kemerdekaan.

Katanya, ketika ini negara mempunyai kira-kira 60,000 jurutera termasuk 15,000 yang sudah menjadi ahli IEM.

Beliau berkata, berbanding kelompok profesional lain, jurutera tidak boleh membuat sebarang andaian atau teragak-agak, sebaliknya membuat perkiraan yang tepat tanpa berselindung di sebalik kata-kata.

Terdahulu, dalam ucapan aluannya, Prof Abang Abdullah berkata, jurutera tempatan kini perlu meningkatkan tahap reka bentuk masing-masing sejajar perkembangan dunia moden.

Beliau berkata, banyak komen yang diterima menyatakan jurutera tempatan kurang maju dan kurang berkemahiran dalam menghasilkan reka bentuk yang boleh bersaing di pasaran antarabangsa.

Berikutan itu, katanya, IEM mencadang institusi pengajian tinggi tempatan merombak modul pengajaran bidang kejuruteraan masa kini dalam usaha meningkatkan tahap inovasi jurutera dalam rekaan.